

13 JUL 2000

Muhyiddin - Runcit

BAHAGIAN UNTUK TAMBAH PERUNCIT BUMIPUTERA DI BANDAR

IPOH, 13 Julai (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sedang menubuhkan bahagian pembangunan penyertaan bumiputera dalam perniagaan dalam usahanya meningkatkan bilangan peruncit Bumiputera terutama di bandar.

Menterinya Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata Unit Penyertaan Bumiputera di kementerian itu, yang sebelum ini hanya menumpukan perhatian memantau penglibatan peniaga bumiputera dalam pengendalian stesen minyak, akan dirombak untuk memikul tanggungjawab lebih besar.

"Bahagian ini akan sepenuhnya menumpukan perhatian kepada peningkatan golongan Bumiputera dalam bidang peruncitan terutama pengedaran," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis dialog dengan pemborong dan peniaga Perak di sini hari ini.

Beliau berkata tindakan itu selaras dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan penglibatan peniaga Bumiputera dalam bidang peruncitan ditingkatkan, terutama di bandar-bandar baru.

Muhyiddin berkata langkah utama yang akan dijalankan oleh bahagian itu adalah mengenal pasti peluang perniagaan runcit di kalangan Bumiputera serta menjalankan perundingan dengan syarikat pengeluar di negara ini.

"Ini adalah bagi memberi peluang supaya produk mereka dapat diagihkan dan diedar oleh peniaga Bumiputera yang berminat," katanya.

Bahagian itu juga diarah mewujudkan pangkalan data bagi mengumpul maklumat peniaga kecil Bumiputera yang sedia ada, serta mengkaji kedudukan dan permasalahan yang mereka hadapi, selain mengumpul maklumat mengenai usahawan baru yang berminat menyertai bidang peruncitan.

Kementerian itu akan mewujudkan satu unit pendaftaran bagi bakal peniaga yang berminat untuk mendaftar dengan menjelaskan bidang yang mereka ingin sertai.

"Ini bagi memudahkan kementerian mengenal pasti peniaga Bumiputera yang boleh dipadankan dengan syarikat tertentu," katanya.

Beliau berkata masa depan bidang peruncitan di negara ini amat cerah memandangkan pada tahun lepas dalam keadaan ekonomi masih belum pulih sepenuhnya, jumlah pusingan jualan Persatuan Peruncit Malaysia adalah sebanyak RM40 bilion.

" Itu dalam keadaan ekonomi belum cukup rancak...bermakna prospeknya besar tetapi kita tidak pasti daripada RM40,000 juta beberapa banyak diurus oleh Bumiputera...mungkin penyertaannya kecil," katanya.

Beliau berkata pada anggaran kasar pada masa ini, terdapat kurang daripada 15 peratus golongan peniaga Bumiputera terlibat dalam bidang peruncitan ini.

Muhyiddin berkata selepas Dasar Ekonomi Baru berakhir pada tahun 1990, jumlah penyertaan Bumiputera dalam bidang runcit merosot sedangkan sektor perdagangan dan peredaran semakin berkembang.

"Kerajaan pandang serius masalah ini dan kita kena kaji balik bagaimana nak menangani masalah ini," katanya.

Beliau berkata semasa DEB, pelbagai cara telah dijalankan untuk membangunkan peniaga Bumiputera dalam bidang peruncitan di peringkat pusat dan negeri, tetapi selepas DEB tamat, tidak ada pihak yang memberi perhatian pada soal itu.

" Wajar kita lihat balik bagaimana cara untuk memperbaiki bidang ini di kalangan peniaga Bumiputera terutama setelah 10 tahun ketinggalan, " katanya.

Muhyiddin berkata kementerian itu akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri untuk membangunkan masyarakat Bumiputera dalam bidang peruncitan.

-- BERNAMA

HK MAI